

PENDEKATAN DAKWAH ISLAMIAH MELALUI INSTITUSI PENDIDIKAN: SUATU KAJIAN DI SEKOLAH ISLAM AL-IRSYAD KUANTAN

Ahmad Syahid bin Azalan¹ , Ainuddin Kamaruddin¹

¹Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia (Email: ahmadsyahidbinazalan@gmail.com)¹

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan cara-cara dakwah Islam dilaksanakan melalui sistem pendidikan formal dengan mengambil contoh di Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan, Pahang. Sekolah ini merupakan salah sebuah Sekolah Islam Swasta (SIS) yang pertama di negeri Pahang dan menjadi tempat yang penting untuk memahami bagaimana dakwah dapat diintegrasikan dalam sistem pendidikan secara menyeluruh. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan bentuk kajian kes untuk menganalisis kaedah, cara melaksanakan serta keberkesanan dakwah melalui kurikulum akademik dan keagamaan yang berpadu di samping program pembentukan individu serta aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan. Data dikumpulkan daripada dokumen rasmi sekolah, artikel ilmiah, dan jurnal yang berkaitan. Hasil kajian menunjukkan bahawa Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan berjaya menjalankan pendekatan dakwah secara formal dan tidak formal dengan menekankan keseimbangan antara ilmu dunia dan ilmu ukhuwwah. Namun, sekolah tersebut juga menghadapi cabaran seperti pengaruh budaya negatif dari luar dan tekanan yang berlebihan terhadap kecemerlangan akademik. Kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan dakwah melalui institusi pendidikan seperti Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan mempunyai potensi besar untuk membentuk generasi Muslim yang berilmu, berakhlak baik, dan mampu menghadapi cabaran zaman. Sekaligus membantu pembangunan masyarakat yang beradab. Beberapa cadangan penambahbaikan juga dibuat untuk memperkuat lagi peranan dakwah dalam bidang pendidikan.

Kata Kunci: Dakwah Islamiah, Institusi Pendidikan, Sekolah Islam Swasta, Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan, Pendidikan Bersepadu

ABSTRACT

This study discusses the methods by which Islamic da'wah is implemented through the formal education system, using Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan, Pahang as a case study. This school is one of the first Private Islamic Schools (SIS) in the state of Pahang and serves as an important site

¹Diterima; 31 Oktober 2025. Disemak; 22 November 2025, Diterbitkan; 29 Disember 2025.

to understand how da'wah can be integrated comprehensively within the education system. This study adopts a qualitative method in the form of a case study to analyze the approaches, implementation methods, and effectiveness of da'wah through a combined academic and religious curriculum, as well as through individual development programs and co-curricular activities organized by Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan. Data were collected from the school's official documents, scholarly articles, and relevant journals. The findings show that Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan successfully carries out both formal and informal approaches to da'wah, emphasizing a balance between worldly knowledge and ukhrawi (spiritual) knowledge. However, the school also faces challenges such as negative external cultural influences and excessive pressure on academic excellence. This study concludes that the da'wah approach through educational institutions like Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan holds great potential in shaping a knowledgeable, morally upright Muslim generation capable of facing contemporary challenges. It also contributes to the development of a civilized society. Several suggestions for improvement are proposed to further strengthen the role of da'wah in the field of education.

Keywords: Islamic Da'wah, Educational Institutions, Private Islamic School, Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan, Integrated Education

PENGENALAN

Dakwah Islamiah merupakan satu kewajiban ke atas setiap Muslim berdasarkan kemampuan masing-masing. Ia merangkumi ajakan ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran selari dengan firman Allah SWT dalam Surah Al-Imran, ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya:

Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Dalam budaya masa kini, institusi pendidikan memainkan peranan yang penting sebagai saluran dakwah yang berkesan dan sistematik. Fathurrohman (2019) menegaskan bahawa dakwah dalam pendidikan sangat diperlukan bagi pembangunan masyarakat. Sekolah bukan hanya tempat untuk belajar ilmu akademik tetapi juga menjadi medium untuk membentuk individu Muslim yang seimbang dalam aspek rohani dan jasmani. Menurut Yusoff (2012), keperluan terhadap pembentukan moral dan akhlak mulia dalam kalangan generasi muda dan pelajar sekolah semakin mendesak ekoran masalah-masalah sosial yang timbul selari dengan perkembangan ekonomi dan

kepesatan kemajuan dunia. Ilmu pengetahuan merupakan keperluan utama dalam membentuk individu yang berwawasan, agar dapat mengelakkan kegagalan dalam kalangan generasi. Dalam Islam, pembelajaran dan pendidikan sangat diberi keutamaan mengikut wahyu pertama yang telah diberikan kepada Nabi Muhammad SAW di Gua Hira'. Ia merupakan permulaan kepada keperluan memperoleh ilmu agar keilmuan tersebut dapat mengawal pemikiran daripada melakukan perkara yang melebihi batas atau menyimpang dari fitrah manusia. Firman Allah SWT dalam Surah al-Alaq, ayat 1:

أَفْرَأْ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Maksudnya: *Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk).*

Sebelum turunnya wahyu, masyarakat Arab berada dalam zaman yang gelap dan penuh kefasidan. Mereka melakukan banyak perkara yang tidak bermoral seperti kezaliman, penindasan, penyembahan berhala dan lain-lainnya (Mustaffa, 2020). Kerana itu, zaman arab yang lampau diakui sebagai zaman kegelapan. Dalil ini menunjukkan betapa pentingnya seorang Muslim untuk mengambil ilmu dan menjadi sumber rujukan agar dapat mengawal tingkah laku masyarakat yang terpesona dengan perbuatan buruk. Dalil ini juga diperkuat dengan ayat-ayat syariat lain yang terdapat dalam Al-Quran dan Hadis Nabi SAW. Firman Allah SWT dalam Surah al-Mujadalah, ayat 11:

وَإِذَا قِيلَ اٰنْشُزُوا فَاَنْشُزُوا يَرْفَعُ ٱللّٰهُ ٱلَّذِيْنَ ءَامَنُوْا مِنْكُمْ ۖ وَٱلَّذِيْنَ اٰوْتُوْا ٱلْعِلْمَ دَرَجٰتٍ ۗ وَٱللّٰهُ بِمَا تَعْمَلُوْنَ خَبِيْرٌ

Maksudnya: *Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.*

Pendidikan Islam di Malaysia berkembang melalui pelbagai cara, termasuk sekolah agama yang dikawal oleh kerajaan pusat, kerajaan negeri dan pihak swasta. Menurut Amin (2011), sekolah agama rakyat, sekolah agama pagi dan petang dan sekolah agama swasta semuanya sangat signifikan dalam membentuk keperibadian akhlak para pelajar mereka. Sekolah Islam Swasta seperti Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan menjadi institusi penting dalam menyampaikan pesanan dakwah melalui sistem pendidikan yang lengkap. Penubuhan Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan pada tahun 1989 menandakan permulaan era baru dalam bidang pendidikan Islam di Negeri Pahang dengan menawarkan pendekatan yang menyatukan kurikulum nasional dan pendidikan Islam (Sekolah Islam Al-Irsyad, 2006). Kajian ini bertujuan untuk menganalisis cara dakwah Islam yang dilaksanakan di Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan. Kajian ini juga memfokus kepada

bagaimana elemen dakwah diintegrasikan dalam kurikulum dan falsafah pendidikan sekolah. Selain itu, kajian ini turut membincangkan keberkesanan pendekatan tersebut serta cabaran yang dihadapi dalam mewujudkan matlamat dakwah melalui sistem persekolahan.

SOROTAN LITERATUR

Konsep Dakwah dalam Pendidikan

Dakwah biasanya difahami sebagai aktiviti berupa ceramah atau kuliah mengenai agama. Namun dalam konteks yang lebih luas, dakwah merujuk kepada proses penyampaian pesanan Islam melalui perkataan, perbuatan atau kaedah lain. Dalam konteks pendidikan, konsep dakwah melibatkan aspek tarbiyah (pembelajaran), ta'lim (pengajaran) dan ta'dib (pembentukan adab) secara menyeluruh seperti yang telah dijelaskan oleh Mohd Nor dan Wan Othman (2011). Pendidikan Islam itu sendiri merupakan satu bentuk dakwah kerana tujuan akhirnya ialah untuk melahirkan hamba-hamba Allah yang beriman dan bertakwa.

Perkembangan Sekolah Islam Swasta di Malaysia

Sistem pendidikan Islam di Malaysia telah mengalami perubahan besar sejak tahun 1957 (Embong, et al., 2018) sebagai jawapan kepada keperluan masyarakat yang menginginkan pendidikan Islam yang lebih menyeluruh.

Siren et al. (2018) menyatakan tiada undang-undang khas yang menetapkan kedudukan sekolah agama rakyat di Malaysia. Namun, hak umat Islam untuk memperoleh pendidikan Islam boleh dilihat berdasarkan pernyataan yang jelas dan kukuh dalam undang-undang Perlembagaan Persekutuan, khususnya Perkara 3(1), yang menyatakan bahawa *Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan: tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan. Melalui perkara 12(3) pula menyatakan bahawa tiada sesiapa pun boleh diwajibkan menerima ajaran-ajaran mengenai apa-apa agama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu agama yang lain, selain daripada agamanya sendiri.*

Hak umat Islam untuk mendapatkan pendidikan Islam juga termasuk dalam Akta Pendidikan 1996, iaitu Seksyen 50. (1) *jika di dalam sesuatu institusi pendidikan terdapat lima orang murid atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.* Seksyen 51. (b) *tiada murid boleh mengikuti pengajaran agama selain daripada agama yang dianutinya, kecuali dengan keizinan bertulis ibu bapanya manakala Seksyen 52 mengatakan, tertakluk kepada apa-apa syarat dan batasan yang difikirkan oleh Menteri patut dikenakan, bantuan kewangan secara sumbangan boleh diberikan daripada wang yang diperuntukan oleh*

Parlimen kepada sesuatu institusi pendidikan Islam yang tidak disenggarakan oleh Menteri di bawah Akta ini atau oleh Kerajaan sesuatu Negeri dan yang adalah institusi pendidikan mengikut pengertian Akta ini atau bukan institusi pendidikan sedemikian hanya kerana pengajaran di institusi itu adalah terbatas kepada pengajaran agama Islam semata-mata.

Mengikut Perlembagaan Malaysia dalam Perkara 3(2), menyatakan bahawa Pendidikan Islam dilihat dari sudut sejarahnya diletakkan dalam hal ehwal agama Islam, iaitu di bawah kuasa Raja-Raja Melayu dan kuasa negeri-negeri;

“Dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam dalam negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan juga tertakluk kepada Perlembagaan Negeri itu, segala hak, keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Ugama Islam tidaklah tersentuh dan tercacat, tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap orang Raja lain hendaklah atas sifat-sifatnya sebagai Ketua Ugama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.”

Kerana kuasa menguruskan agama Islam berada di tangan kerajaan negeri, maka pihak berkuasa agama negeri melalui undang-undang negeri telah membuat peraturan berkaitan pendidikan Islam. Secara umumnya, dalam Enakment Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Negeri, terdapat peruntukan yang menyatakan bahawa sekolah-sekolah yang mengajar mata pelajaran agama Islam perlu mendaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri. Bagaimanapun, hubungan kuasa antara persekutuan dan negeri-negeri yang melibatkan polisi pendidikan, terutamanya dalam penyediaan pendidikan agama Islam kepada rakyat, dijelaskan melalui Akta Pendidikan 1996, khususnya Seksyen 50 seperti yang disebutkan sebelum ini, serta perkara yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu Perkara 12(2).

“Tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuhkan dan menyenggara Institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam ugama kumpulan itu sendiri, dan tidaklah boleh ada perbezaan semata-mata oleh sebab agama dalam mana-mana undang-undang berkaitan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggara institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam ugama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang diperlu bagi maksud itu.”

Oleh sebab itu, kerajaan pusat perlu bertanggungjawab untuk memajukan dan membangunkan institusi pendidikan Islam di negara ini kerana pendidikan anak-anak adalah satu kepentingan besar, selaras dengan perlembagaan negara (Siren et al., 2018). Institusi seperti Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan menjawab keperluan ini dengan menawarkan kurikulum yang

menyatukan aspek akademik dan keagamaan. Kajian Embong et al. (2018) menunjukkan bahawa Sekolah Agama Swasta (SAS) berjaya melahirkan pelajar yang tidak hanya cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga memiliki identiti Islam yang berwibawa.

Pendekatan Dakwah Kontemporari

Pendekatan dakwah masa kini menekankan penggunaan kaedah yang sesuai dengan keadaan semasa, termasuk melalui sistem kurikulum formal seperti yang dinyatakan oleh Embong et al. (2018). Pendekatan dakwah melalui pendidikan formal lebih berkesan dalam membentuk generasi muda berbanding pendekatan tradisional kerana ia lebih sistematik dan berterusan.

1. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian kes tunggal. Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan dipilih sebagai subjek kajian kerana sekolah itu merupakan salah satu Sekolah Islam Swasta (SIS) yang pertama di Negeri Pahang dan mempunyai sejarah perkembangan yang panjang. Data dikumpulkan melalui tiga kaedah utama iaitu observasi, pemeriksaan dokumen serta analisis kandungan. Dokumen yang diperiksa termasuk panduan pengurusan Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan 2023, laporan tahunan sekolah, profil sekolah dan bahan akademik berkaitan pendidikan Islam. Analisis kandungan dilakukan terhadap artikel jurnal dan tesis yang membincangkan pendekatan dakwah dalam pendidikan. Data dianalisis secara tematik dengan mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan pendekatan dakwah. Tema tersebut kemudian dikaitkan dengan kerangka teori dan dapatan kajian lepas untuk menghasilkan satu sintesis yang menyeluruh.

2. Hasil Kajian dan Perbincangan

Falsafah Pendidikan sebagai Asas Dakwah

Sistem Pendidikan Al-Irsyad Berhad mempunyai beberapa institusi di bawahnya iaitu Pra Tahfiz Al-Irsyad Kuantan, Sekolah Rendah Islam Al-Irsyad Kuantan, Sekolah Rendah Islam Al-Irsyad Tanjung Lumpur, Maahad Tahfiz Al-Irsyad Kuantan dan Maahad Tahfiz Al-Irsyad Kuantan. Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan mengamalkan kaedah pendidikan yang berpandukan kepada tauhid dengan tujuan untuk membentuk individu yang berakhlak tinggi berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Motto sekolah yang berbunyi "*Ke Arah Pembentukan Generasi Muttaqin*" menunjukkan komitmen sekolah terhadap kaedah dakwah melalui pendidikan. Falsafah pendidikan ini selaras dengan konsep dakwah yang menyeluruh, kerana ia menekankan keseimbangan antara perkembangan akal dan batin. Dalam konteks teori dakwah, pendekatan Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan sesuai dengan konsep *dakwah bi al-hal* iaitu dakwah melalui cara bertindak dengan sistem pendidikan itu sendiri menjadi media untuk melakukan dakwah.

Kejayaan sekolah dalam menarik lebih daripada 900 murid pada peringkat rendah dan 280 murid pada peringkat menengah menunjukkan keberkesanan pendekatan ini dalam menarik minat masyarakat terhadap pendidikan Islam.

Kurikulum Bersepadu sebagai Medium Dakwah Formal

Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan melaksanakan kurikulum yang menggabungkan Kurikulum Kebangsaan dengan kurikulum pendidikan Islam. Mata pelajaran seperti Pendidikan Islam, Bahasa Arab dan Tahfiz al-Quran diberi penekanan khusus untuk memenuhi matlamat dakwah sekolah. Integrasi ini membantu menyampaikan mesej dakwah dengan cara yang formal dan terancang. Program Tahfiz al-Quran yang dimulakan pada tahun 2004 merupakan satu inisiatif dakwah yang penting. Pada tahun 2023, lebih daripada 50 pelajar berjaya menghafaz al-Quran dan mereka tidak hanya menghafal al-Quran tetapi juga memahami tanggungjawab dakwah melalui al-Quran. Pencapaian ini menunjukkan kejayaan pendekatan dakwah dengan memahami kitab suci.

Aktiviti Kokurikulum sebagai Dakwah Tidak Formal

Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan menjalankan pelbagai aktiviti kokurikulum yang membantu menyebarkan dakwah. Program seperti qiamullail, sambutan Maulidur Rasul, mentor mentee serta aktiviti kekeluargaan menjadi cara yang tidak formal untuk menyampaikan mesej berkaitan Islam. Aktiviti ini membolehkan pelajar mengamalkan ajaran Islam secara langsung sekaligus memperkuat pemahaman mereka tentang ajaran tersebut. Cara ini selari dengan konsep *dakwah bi al-hal*, di mana pengalaman langsung menjadi sarana untuk menyampaikan pesan Islam. Melalui aktiviti-aktiviti ini, nilai-nilai seperti kasih sayang, kerjasama dan disiplin dapat dibentuk secara perlahan dan tidak disengajakan.

Pembangunan Sahsiah sebagai Objektif Dakwah

Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan berusaha secara khusus untuk membangunkan sifat-sifat baik dan akhlak yang baik pada pelajar-pelajarnya. Sekolah ini menjalankan program khas untuk membentuk nilai-nilai yang baik dan tingkah laku yang mulia dalam kalangan pelajar. Fokus ini selaras dengan tujuan dakwah, iaitu untuk membentuk individu Muslim yang memiliki akhlak yang baik. Kejayaan pelajar Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan dalam peperiksaan seperti UPSR dan SPPIM menunjukkan bahawa pendekatan dakwah melalui pendidikan tidak mengabaikan kecemerlangan akademik. Pada masa yang sama penggabungan antara aspek akademik dan agama membentuk pelajar yang seimbang dalam kedua-dua aspek tersebut.

Cabaran dalam Pendekatan Dakwah

Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan menghadapi beberapa kesukaran dalam menerapkan kaedah dakwah. Pengaruh budaya negatif dari luar yang semakin meluas dalam kalangan remaja memerlukan cara dakwah yang lebih menarik dan inovatif. Tekanan daripada ibu bapa yang hanya fokus kepada kecemerlangan akademik kadang-kadang menyulitkan tujuan pendidikan yang menyeluruh. Cabaran lain termasuklah keterbatasan dana dan perlunya terus menyesuaikan kaedah dakwah mengikut perkembangan semasa. Walau bagaimanapun, Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan terus berusaha mengatasi kesukaran ini dengan bekerjasama rapat dengan ibu bapa dan komuniti tempatan.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian menunjukkan bahawa Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan berjaya menerapkan pendekatan dakwah Islamiah melalui sistem pendidikan yang menyeluruh. Kepelbagaian antara kurikulum akademik dan pendidikan Islam serta aktiviti sokongan yang dilaksanakan membolehkan pesan dakwah disampaikan dengan baik. Kejayaan sekolah dalam menghasilkan pelajar yang berprestasi baik dalam aspek akademik dan adab menunjukkan bahawa pendekatan ini berkesan. Beberapa cadangan dibuat untuk meningkatkan lagi pendekatan dakwah di Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan. Pertama, sekolah perlu memperkuat program latihan guru agar pendekatan dakwah dapat dilaksanakan secara konsisten. Kedua, kerjasama dengan institusi seperti universiti dan organisasi Islam perlu diperkukuh bagi memperoleh ilmu dan pengalaman yang lebih banyak. Ketiga, kajian terus perlu dilakukan untuk memahami keberkesanan pendekatan dakwah agar kaedah pembelajaran dapat diperbaiki. Pendekatan dakwah melalui institusi pendidikan seperti Sekolah Islam Al-Irsyad Kuantan mempunyai potensi besar untuk menghasilkan generasi Muslim yang dapat menghadapi cabaran hari ini. Dengan terus menambahbaik model ini, ia boleh menjadi contoh untuk institusi pendidikan lain yang ingin melaksanakan pendekatan serupa.

RUJUKAN

- Amin, M. H., & Jasmi, K. A. (2011). *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak*. Penerbit UTM Press.
- Amin, M. H., & Jasmi, K. A. (2012). *Sekolah agama di Malaysia: sejarah, isu & cabaran*. Penerbit UTM Press.
- Fathurrohman, M. (2019). *Dakwah dalam konteks pendidikan*. Mamba'ul 'Ulum, 15(2), 217–224. Institut Islam Mamba'ul 'Ulum Surakarta.
- Fauzi, N., Abd Kadir, N. A., Mohamad, N. A. F., & Mat Yacob, S. N. B. (2017). *Keutamaan ilmu dalam jaringan pendidikan Islam di antara Johor dan Pahang pada abad ke-19M*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 7(2), 1–21.

- Ishak, M., Arshad, M. M., Fakhruddin, F. M., Ismail, I. A., Ismail, H., Ahmad, S., Ramlan, S. R., Abdullah, H., Mat Saa, N. S., & Syed Sahuri, S. N. (2021). *Tinjauan tahap prestasi peranan guru Pendidikan Islam sebagai pemangkin perubahan ke arah pembentukan masyarakat madani melalui kaedah pendidikan Islam tidak formal*. Jurnal Sains Insani. eISSN: 0127-7871.
- Jalal, B., Ismail, A. S., & Ab Ghani. S., (2018). *Pendekatan dakwah untuk cabaran masa depan: Satu soroton*. Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU), 4(1), 23–33. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- Malaysia (2005). Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Peraturan-peraturan terpilih. International Law Book Services.
- Mohd Nor, M. R. & Wan Othman, W. M.T. (2011). *Sejarah dan perkembangan pendidikan Islam di Malaysia*. Jurnal At-Ta'dib, 6(1), 60–78.
- Mustaffa, N. N. M. (2020). *Perubahan tingkah laku masyarakat Arab Jahiliyyah kepada tingkah laku beragama*. Jurnal Pengajian Islam, 13(1), 16–25. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- Nawi, A., Abu Samah, N., Mohd Yaakob, M. F., Yusof, M. R., Othman, M. K., Makhsin, M., & Zameran, F. A. (2023). *Isu dan masalah dalam pengurusan dan pelaksanaan pendidikan Islam di Malaysia*. Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 10(4), Oktober 2023.
- Siren, N. R., Azmi, I. A. G., Jalil, S. J. A., & Majid, A. A. (2018). *Kepelbagaian pengurusan sekolah agama rakyat di Malaysia* [Diversity of community religious school management in Malaysia]. Jurnal Al-Tamaddun, 13(1), 45–56.
- Othman, A. M., & Anas, N. (2020). *Evolusi tadbir urus tahfiz swasta di Malaysia*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 20(1). e-ISSN: 2289-6325.
- Embong, R., Noruddin, N., Sulaiman, A. A., Abdullah, W. I. W., & Lateh, H. M. (2018). *Amalan kurikulum bersepadu bagi sekolah Islam di Malaysia*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 17(Mei), 27–40.
- Sekolah Islam al-Irsyad. (2006). Sejarah Penubuhan. Retrieved from: <https://alirsyadkuantan.blogspot.com/2006/02/sejarah-penubuhan-al-irsyad.html>
- Yusoff, M. Z. M. (2012). Faktor-faktor penyumbang dalam pertimbangan moral pelajar sekolah agama. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 9, 81.